

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ROZMAN BIN ISLI
(LABUAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.11.2016

Y.B. TUAN ROZMAN BIN ISLI [LABUAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian terhadap premis-premis yang mengenakan caj GST tanpa berdaftar dan adakah Kementerian bercadang untuk menarik balik lesen perniagaan sekiranya masih terdapat peniaga yang melanggar syarat kutipan cukai GST seperti yang telah ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mana-mana peniaga

yang tidak berdaftar GST tetapi mengenakan GST kepada pengguna adalah telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 33(10) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan. Di bawah seksyen ini, peniaga yang telah disabitkan kesalahan tersebut dikenakan denda tidak melebihi RM30,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan penalti dua kali amaun cukai GST yang dikenakan.

Perundangan GST tidak memperuntukan kuasa yang khusus kepada pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk menarik balik lesen perniagaan sekiranya terdapat peniaga tidak berdaftar GST tetapi mengutip cukai GST.